

## **4 Sikap dan Peranan Pencerap Muslim Semasa Gerhana Menurut Hadith**

Ahmad Irfan bin Ikmal Hisham  
Universiti Malaysia Pahang

### **4.1 Pengenalan**

Peminat falak dan astronomi di seluruh dunia sedang teruja menanti ketibaan gerhana Matahari penuh yang akan berlaku pada 9 Mac 2016. Antara kawasan yang bakal menyaksikan fenomena gerhana Matahari penuh ialah di Palembang, Palangkaraya, Balikpapan, Palu, Ternate dan Sofifi, Indonesia. Malaysia hanya dapat menyaksikan fenomena separa gerhana Matahari. Kebanyakan hotel di lokasi cerapan telah hampir penuh ditempah. Berdasarkan maklumat rasmi, banyak tempahan dibuat daripada peminat astronomi dari Jepun, Malaysia dan negara barat. Bahkan di satu pulau di Ternate, keseluruhan resort di pulau berkenaan telah ditempah oleh sekumpulan warga Jepun sejak dari pertengahan tahun 2015 lagi. Memandangkan masa yang semakin menghampiri, banyak pihak sudah mula melakukan persiapan terutamanya daripada aspek teknikal pengimejan, pemilihan lokasi dan seumpamanya. Apa yang lebih penting sebagai seorang pencerap beragama Islām, ialah persiapan rohani menjelang berlakunya fenomena tersebut. Penulisan ini akan memfokuskan hadith-hadith gerhana Matahari yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari di dalam Kitab Sahih beliau, seterusnya akan menganalisis kandungan tematiknya sebagai cadangan persiapan rohani yang perlu ada bagi seorang pencerap Muslim semasa gerhana Matahari.

### **4.2 Metodologi Kajian**

Metodologi yang digunakan untuk menghasilkan kajian ini ialah berasaskan kepada kualitatif dengan analisis tematik. Menurut Braun dan Clarke, terdapat 6 proses yang digunakan bagi menganalisis data tematik dalam penyelidikan<sup>1</sup>, seperti berikut:

- i. Mengumpul dan menyorot data kajian.
- ii. Menghasilkan kodifikasi awal.
- iii. Mencari tema-tema.
- iv. Membuat sorotan tema.
- v. Memperhalusi pengkategorian tema.
- vi. Menghasilkan laporan.

---

<sup>1</sup> Braun, Virginia, & Victoria Clarke. "Using Thematic Analysis in Psychology." Qualitative Research in Psychology 3 (2006): 77–101.

Bagi peringkat awal, pengkaji akan mengumpulkan hadith-hadith dengan carian perkataan gerhana Matahari di dalam Sahih Bukhari, sebagai kitab rujukan hadith primer di dalam sumber perundangan Islām. Kodifikasi asas, carian tema, sorotan tema serta penelitian kategori tema akan dianalisis, menerusi penyusunan hadith berkenaan mengikut *kitāb*, *bāb* dan isi matan. Seterusnya, pengkaji akan mengeluarkan laporan analisis persiapan rohani seorang pencerap Muslim berdasarkan dapatan kajian.

### 4.3 Dapatan Kajian

Berdasarkan kajian, terdapat 180 hadith yang menyentuh mengenai Matahari secara umum sementara 44 hadith pula menyentuh mengenai gerhana Matahari seperti yang direkodkan di dalam Sahih Bukhari<sup>2</sup>.

Hadith-hadith berkenaan telah disusun mengikut beberapa *kitāb*<sup>3</sup> dan *bāb*<sup>4</sup> Jadual 4.1 di bawah:

Jadual 4.1: Pecahan Hadith Gerhana Matahari Mengikut *Kitāb* dan *Bāb*

	Kitāb	Bāb
1	Al-Jum‘ah - Jumaat	Solat Ketika Berlakunya Gerhana Matahari
		Matahari Tidak Mengalami Gerhana Sempena Kematian Atau Kelahiran
		Solat Ketika Berlakunya Gerhana Bulan
		Berdoa Ketika Gerhana Matahari
		Memperbanyakkan Sedekah Semasa Gerhana Matahari
		Khutbah Imam Dalam Solat Gerhana
		Mengeraskan Bacaan Surah Ketika Solat Gerhana
		Solat Gerhana Dilakukan Secara Berjemaah
		Istilah Manakah Yang Lebih Tepat – Kusuf atau Khusuf
		Sujud Lama di Dalam Solat Gerhana
		Berzikir di Saat Gerhana
		Raka‘at Pertama Lebih Panjang Daripada Rakaat Kedua Ketika Solat Gerhana
		Laungan ‘ <i>Al-Salāt al-Jāmi‘ah</i> ’ Semasa Memulakan Solat Gerhana
		Sabda Nabi: Allah Menghadirkan Ketakutan Kepada Orang Mukmin Semasa Gerhana Matahari
		Memohon Perlindungan Daripada Seksa Kubur Semasa Gerhana Matahari
		Wanita Solat Berjemaah Bersama Lelaki Semasa Gerhana

<sup>2</sup> Frekuensi ini berdasarkan carian kepada perkataan ‘gerhana matahari’. Pun demikian, masih terdapat beberapa ḥadīth yang menyentuh mengenai fenomena tersebut, tetapi tidak menyebut perkataan ‘gerhana matahari’ di dalam matan ḥadīth, seperti ḥadīth 986 yang akan dipetik di dalam bahagian analisis.

<sup>3</sup> Kitāb di dalam peristilahan Ṣahīḥ Bukhārī bermaksud ‘Bab Utama’/Main Chapter

<sup>4</sup> Bāb di dalam peristilahan Ṣahīḥ Bukhārī bermaksud ‘Pecahan Bab’/Sub Chapter

		Matahari Disukai Untuk Memerdekakan Hamba Semasa Gerhana Matahari
		Solat Gerhana Dilakukan di Dalam Masjid
		Jika Ada Binatang Yang Lalu di Hadapan Semasa Solat
		Pangkal Kitāb
2	Permulaan Penciptaan Makhluq	Pangkal Kitāb
3	Pakaian	Pangkal Kitāb
4	Membebaskan Budak (Hamba)	Pangkal Kitab
5	Nikah	Pangkal Kitāb
6	Solat	Orang Yang Solat dan di Hadapannya Ada Tungku Api Yang Mengingatkan Kepada Neraka
7	Azan	Mengarahkan Pandangan Kepada Imam Ketika Solat
8	Wudu'	Orang Yang Tidur Tidak Perlu Berwudu' Lagi Kecuali Tidur Yang Terlalu Lena
9	Berpegang Teguh Kepada Kitāb dan Sunnah	Api Muncul
10	Ilmu	Menjawab Fatwa Dengan Isyarat Tangan Atau Anggukan Kepala
11	Al-Musaqah (Mengairi Tanaman)	Pangkal Kitāb
12	Adab	Pangkal Kitāb (Terjadinya Gerhana Semasa Hari Meninggalnya Ibrāhīm)

#### 4.4 Analisis Kajian

Berdasarkan dapatan kajian di atas, terdapat beberapa analisis yang dapat dihasilkan.

##### 4.4.1 Peristiwa Gerhana di Zaman Nabi

Di dalam sejarah hidup nabi Muḥammad SAW, pengiraan moden mencadangkan kemungkinan berlaku beberapa kali peristiwa gerhana Matahari, sama ada yang penuh atau separa. Pun demikian, yang paling banyak dipetik di dalam hadith ialah peristiwa gerhana cincin, yang berlaku pada hari pemergian putera kesayangan baginda ke rahmatullah, iaitu Ibrāhīm bin Muḥammad anak Māriyah al-Qibtiyyah. Menurut Maḥmūd Bāshā al-Falakiy<sup>5</sup>, peristiwa ini berlaku pada Isnin, 29 Syawal 10 H, bersamaan 27 Januari 632 M, sekitar jam 8:30 pagi di Madīnah al-Munawwarah.

---

<sup>5</sup> Maḥmūd Bāshā al-Falakiy. “Risālah fī Taqwīm al-‘Arab qabla al-Islām”. 9.

صحيح البخاري ٩٨٥: عَنْ الْمُغِيرَةِ بْنِ شُعْبَةَ قَالَ

كَسَقْتُ الشَّمْسَ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ مَاتَ إِبْرَاهِيمَ فَقَالَ النَّاسُ كَسَقْتُ الشَّمْسَ لِمَوْتِ إِبْرَاهِيمَ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ لَا يَنْكِسَفَانِ لِمَوْتِ أَحَدٍ وَلَا لِحَيَاةِ فَإِذَا رَأَيْتُمْ فَصَلُّوا وَادْعُوا اللَّهَ

*Sahih Bukhari 985: Daripada Al Mughirah bin Shu'bah berkata, "Pada masa Rasulullah pernah terjadi gerhana Matahari, iaitu di hari meninggalnya putera beliau, Ibrahim. Orang-orang lalu berkata, "Gerhana Matahari ini terjadi karena meninggalnya Ibrahim!" Maka Rasulullah pun bersabda: "Sesungguhnya Matahari dan bulan tidak akan mengalami gerhana disebabkan karena mati atau hidupnya seseorang. Jika kalian melihat gerhana, maka solat dan berdoalah kalian kepada Allah."*

Sheikh 'Abdul 'Azīz bin Bāz<sup>6</sup> menolak dakwaan tuntas, mengenai wujudnya gerhana lain selain daripada yang berlaku pada hari kematian Ibrāhīm bin Muḥammad. Pendapat beliau adalah disebabkan pengaruh jalur pemikiran ahlul hadith yang berhati-hati dalam menerima sebarang periyawatan mengenai nabi Muḥammad melainkan yang datang daripada sumber yang sahih.

Pun demikian, berdasarkan kepada pengiraan ilmu falak moden, ada juga sebahagian sarjana Falak Muslim seperti Dr Khalid Shaukat<sup>7</sup>, yang menyatakan bahawa sepanjang hayat nabi, telah berlaku enam kali gerhana Matahari pada tarikh-tarikh berikut:

- i. 23 Julai 613 M (sebelum Hijrah)
- ii. 21 Mei 616 M (sebelum Hijrah)
- iii. 4 November 617 M (sebelum Hijrah)
- iv. 2 September 620 M (sebelum Hijrah)
- v. 21 April 627 M (bersamaan 29 Zulqaedah 5 H)
- vi. 27 Januari 632 M (bersamaan 29 Syawal 10 H)

#### 4.4.2 Persiapan Rohani Pencerap Muslim Berdasarkan Dapatan Kajian

Berdasarkan dapat kajian dan analisis terhadap 44 hadith di dalam Sahih Bukhari yang menyentuh mengenai persoalan gerhana Matahari, pengkaji telah mencadangkan beberapa persiapan rohani yang perlu dilakukan oleh seorang pencerap Muslim. Persiapan rohani ini amat penting bagi memandu emosi dan adab Muslim semasa berlakunya fenomena tersebut.

##### (a) Mengawal Emosi dan Perasaan

Tidak dapat dinafikan, ramai yang begitu teruja dengan ketibaan gerhana Matahari. Ada yang tidak sabar untuk berteriak kegembiraan, berasa puas hati kerana dapat melihat fenomena yang jarang-jarang berlaku dengan mata sendiri, dan seumpamanya.

Sebagai Muslim, perasaan dan emosi adalah amanah daripada Allah. Ianya perlu diuruskan secara adil, kena pada tempatnya.

<sup>6</sup> [كم-مرة- صلى-الرسول-الكسوف/](http://ar.islamway.net/fatwa/8167)

<sup>7</sup> <http://moonsighting.com/eclipses.html>

Secara ringkas, umat Islām perlu mengawal ‘kegembiraan’ dan ‘keterujaan’ apabila melihat fenomena tersebut. Ini kerana nabi Muḥammad SAW sendiri, berasa amat takut, dan bimbang semasa berlakunya gerhana, kerana fenomena tersebut meingatkan manusia kepada kekuasaan dan juga seksaan Allah kepada mereka melakukan dosa. Sabda nabi:

صحيح البخاري ٩٨٦: عَنْ أَيْشَهُ أَنَّهَا قَالَتْ

خَسَفَتِ الشَّمْسُ فِي عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَصَلَّى رَسُولُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالنَّاسِ فَقَامَ فَلَطَّالَ الْقِيَامَ ثُمَّ رَكَعَ فَلَطَّالَ الرُّكُوعَ ثُمَّ قَامَ فَلَطَّالَ الْقِيَامَ وَهُوَ دُونَ الْرُّكُوعِ الْأَوَّلِ ثُمَّ سَجَدَ فَلَطَّالَ السُّجُودَ ثُمَّ فَعَلَ فِي الرَّكْعَةِ الثَّانِيَةِ مِثْلَ مَا فَعَلَ فِي الْأُولَى ثُمَّ اصْتَرَفَ وَقَدْ انْجَلَتِ الشَّمْسُ فَخَطَبَ النَّاسَ فَحَمِدَ اللَّهَ وَأَتَّسَى عَلَيْهِ ثُمَّ قَالَ إِنَّ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ أَيْتَانٌ مِنْ آيَاتِ اللَّهِ لَا يَخْسِفُنَّ لِمُوتٍ أَحَدٌ وَلَا لِحَيَاةٍ فَإِذَا رَأَيْتُمْ ذَلِكَ فَادْعُوا اللَّهَ وَكَبِرُوا وَصَلُّوا وَتَصَدَّقُوا ثُمَّ قَالَ يَا أَمَّةَ مُحَمَّدٍ وَاللَّهُ مَا مِنْ أَحَدٍ أَغْيِرُ مِنْ اللَّهِ أَنْ يَرْزِنِي عَبْدِهِ أَوْ تَرْزِنِي أُمَّتُهُ يَا أَمَّةَ مُحَمَّدٍ وَاللَّهُ لَوْ تَعْلَمُونَ مَا أَعْلَمُ لَضَحَّيْتُمْ قَلِيلًا وَلَبَّيْتُمْ كَثِيرًا

Sahih Bukhari 986: ‘Āishah berkata, “Pernah terjadi gerhana Matahari pada zaman Rasulullah. Rasulullah lalu mendirikan solat bersama orang banyak. Beliau berdiri dalam solatnya dengan memanjangkan lama berdirinya, kemudian rukuk dengan memanjangkan rukuknya, kemudian berdiri dengan memanjangkan lama berdirinya, namun tidak selama yang pertama. Kemudian beliau rukuk dan memanjangkan lama rukuknya, namun tidak selama rukuknya yang pertama. Kemudian beliau sujud dengan memanjangkan lama sujudnya, beliau kemudian mengerjakan rakaat kedua seperti pada rakaat yang pertama. Saat beliau selesai melaksanakan solat, Matahari telah nampak kembali. Kemudian beliau menyampaikan khutbah kepada orang banyak, beliau memulai khutbahnya dengan memuji Allah dan mengangungkan-Nya, lalu bersabda: “Sesungguhnya Matahari dan bulan adalah dua tanda dari tanda-tanda kebesaran Allah, dan tidak akan mengalami gerhana disebabkan karena mati atau hidupnya seseorang. Jika kalian melihat gerhana, maka banyaklah berdoa kepada Allah, bertakbirlah, dirikan solat dan bersedekahlah.” Kemudian beliau meneruskan sabdanya: “Wahai ummat Muhammad! Demi Allah, tidak ada yang melebihi kecemburuhan Allah kecuali saat Dia melihat hamba laki-laki atau hamba perempuan-Nya berzina. Wahai ummat Muhammad! Demi Allah, seandainya kalian mengetahui apa yang aku ketahui, nescaya kalian akan sedikit tertawa dan lebih banyak menangis.”

Justeru, pencerap gerhana Matahari perlu mengawal emosi dan perasaan mereka. Selain rasa gembira dan teruja, cubalah hadirkan perasaan bimbang, takut dengan seksaan Allah ke atas dosa-dosa yang telah dilakukan.

### (b) Menginsafi Gerhana Matahari Sebagai Bayangan Api Neraka

Nabi juga mendidik umatnya supaya sentiasa rasa takut apabila berlakunya gerhana Matahari, kerana ianya merupakan bayangan api neraka.

صحيح البخاري ٤١٣: عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبَّاسٍ قَالَ

انْخَسَفَتِ الشَّمْسُ فَصَلَّى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ قَالَ أَرِيتُ النَّارَ فَلَمْ أَرَ مُنْظَراً كَالْيَوْمِ فَطُّ أَفْطَعَ

*Sahih Bukhari 413: Daripada 'Abdullah bin 'Abbas berkata, "Ketika terjadi gerhana Matahari Rasulullah melaksanakan solat (gerhana), kemudian beliau bersabda: "Neraka telah diperlihatkan kepadaku, dan belum pernah sekalipun aku melihat suatu pemandangan yang lebih mengerikan dari pada hari ini." ."*

### (c) Gerhana Matahari dan Pencinta Nabi

Selain itu, bagi pencinta Nabi Muhammad, saat gerhana adalah saat yang menyedihkan, kerana nabi bersedih pada waktu itu yang berkebetulan, putera baginda, Ibrāhīm bin Muḥammad, kembali ke rahmatullah.

صحيح البخاري ١٢٢٠ : عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالَكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ

دَخَلْنَا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى أَبِيهِ سَيِّفِ الْقَبِينَ وَكَانَ ظِبْرًا لِإِبْرَاهِيمَ عَلَيْهِ السَّلَامُ فَأَخَذَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِبْرَاهِيمَ فَقَتَلَهُ وَسَمَّهُ ثُمَّ دَخَلْنَا عَلَيْهِ بَعْدَ ذَلِكَ وَإِبْرَاهِيمَ يَجُودُ بِنَفْسِهِ فَجَعَلْتُ عَيْنَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَثْرِقَانَ فَقَالَ لَهُ عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ عَوْفٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ وَأَنْتَ يَا رَسُولَ اللَّهِ فَقَالَ يَا ابْنَ عَوْفٍ إِنَّهَا رَحْمَةٌ ثُمَّ أَتَبْعَهَا بِأُخْرَى فَقَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ الْعَيْنَ تَنْمَعُ وَالْقَلْبَ يَحْرُنُ وَلَا نَقُولُ إِلَّا مَا يَرْضِي رَبِّنَا وَإِنَّا بِفِرَاقِكَ يَا إِبْرَاهِيمَ لَمْحَزُونُونَ  
رَوَاهُ مُوسَى عَنْ سُلَيْمَانَ بْنِ الْمُغِيرَةِ عَنْ ثَابِتٍ عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

*Sahih Bukhari 1220: Daripada Anas bin Malik berkata; Kami bersama Rasulullah mendatangi Abu Saif Al Qaiyn yang (isterinya) telah mengasuh dan menyusui Ibrahim (putra Nabi. Lalu Rasulullah mengambil Ibrahim dan menciumnya. Kemudian setelah itu pada kesempatan yang lain kami mengunjunginya sedangkan Ibrahim telah meninggal. Hal ini menyebabkan kedua mata Rasulullah berlinang air mata. Lalu berkatalah 'Abdurrahman bin 'Auf radliallahu 'anhu kepada Beliau: "Mengapa anda menangis, wahai Rasulullah?". Beliau menjawab: "Wahai Ibnu 'Auf, sesungguhnya ini adalah rahmat (tangisan kasih sayang) ". Beliau lalu melanjutkan dengan kalimat yang lain dan bersabda: "Kedua mata boleh mencucurkan air mata, hati boleh bersedih, hanya kita tidaklah mengatakan kecuali apa yang diridhai oleh Rabb kita. Dan kami dengan perpisahan ini wahai Ibrahim pastilah bersedih". Dan diriwayatkan oleh Musa dari Sulaiman bin Al Mughirah dari Tsabit dari Anas bin Malik dari Nabi.*

### (d) Gerhana Sebagai Ayatullah al-Manzurah, Tidak Membawa Sial

Nabi juga meingatkan kepada pencerap bahawa semua fenomena alam, termasuklah gerhana Matahari, adalah merupakan salah satu daripada tanda-tanda kekuasaan Allah (*ayātullah*) yang bersifat dicerap (*al-manzūrah*). Justeru, sementara mata fizikal menyaksikan kehebatan fenomena Matahari, didiklah mata hati supaya merasai kehebatan Sang Pencipta kepada Matahari tersebut, iaitu Allah. Hanya Allah sahaja berkuasa menentukan untung baik atau sebaliknya kepada manusia.

صحيح البخاري ١٠٠٠ : حَدَّثَنَا أَبُو الْوَلِيدِ قَالَ حَدَّثَنَا زَائِدٌ بْنُ عِلَاقَةَ قَالَ سَمِعْتُ الْمُغِيرَةَ بْنَ شُعْبَةَ يَقُولُ

انكَسَفَتِ الشَّمْسُ يَوْمَ ماتَ إِبْرَاهِيمَ فَقَالَ النَّاسُ انكَسَفَتْ لِمَوْتِ إِبْرَاهِيمَ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ آيَاتٍ مِنْ آيَاتِ اللَّهِ لَا يَنْكِسِفَانِ لِمَوْتِ أَحَدٍ وَلَا لِحَيَاةِ فَإِذَا رَأَيْتُمُوهُمَا فَادْعُوا اللَّهَ وَصَلُّوا حَتَّى يَنْجَلِي

*Sahih Bukhari 1000: Telah menceritakan kepada kami Abu Al Walid berkata, telah menceritakan kepada kami Zaidah berkata, telah menceritakan kepada kami Ziyad bin 'Alaqah berkata, "Aku mendengar Al Mughirah bin Syu'bah berkata, "Telah terjadi gerhana Matahari ketika wafatnya Ibrahim. Kemudian Rasulullah bersabda: "Sesungguhnya Matahari dan bulan adalah dua tanda dari tanda-tanda kebesaran Allah, dan ia tidak akan mengalami gerhana disebabkan karena mati atau hidupnya seseorang. Jika kalian melihat gerhana keduanya, maka berdo'alah kepada Allah dan dirikan solat hingga (Matahari) kembali nampak."*

#### (e) Solat Sunat Gerhana Matahari (*Kusūf*) dan Khutbah

Nabi juga mengajar umatnya supaya melaksanakan solat sunat gerhana Matahari (*kusūf*) daripada bermulanya fenomena itu sehingga hari terang kembali. Walaupun hukumnya adalah sunnah muakkadah (amat dituntut), sebaiknya kepada semua yang terlibat dalam cerapan, peruntukkan sedikit masa untuk mengingati Allah.

صحيح البخاري ٤: عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا

جَهَرَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي صَلَاةِ الْخُسُوفِ بِقِرَاءَتِهِ فَإِذَا فَرَغَ مِنْ قِرَاءَتِهِ كَبَرَ فَرَكَعَ وَإِذَا رَفَعَ مِنْ الرَّكْعَةِ قَالَ سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ رَبِّهَا وَلَكَ الْحَمْدُ لَمَّا يُعَلَّمُ الْقِرَاةُ فِي صَلَاةِ الْخُسُوفِ أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ فِي رَكْعَتَيْنِ وَأَرْبَعَ سَجَدَاتٍ وَقَالَ الْأَوْزَاعِيُّ وَغَيْرُهُ سَمِعْتُ الزُّهْرِيَّ عَنْ عُرْوَةَ عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ الشَّمْسَ خَسَفَتْ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَبَعَثَ مُنَابِيَّاً بِالصَّلَاةِ جَامِعَةً فَقَدِمَ فَصَلَّى أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ فِي رَكْعَتَيْنِ وَأَرْبَعَ سَجَدَاتٍ وَأَخْبَرَنِي عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ نَمَرٍ سَمِعَ ابْنَ شَهَابٍ مِثْلَهُ قَالَ الزُّهْرِيُّ فَقُلْتُ مَا صَنَعَ أَخْوَكَ ذَلِكَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ الزَّبِيرِ مَا صَلَّى إِلَّا رَكْعَتَيْنِ مِثْلَ الصُّبْحِ إِذْ صَلَّى بِالْمَدِينَةِ قَالَ أَجَلْ إِنَّهُ أَخْطَأَ السُّنْنَةَ تَابَعَهُ سُفِّيَّانُ بْنُ حُسْنِي وَسُلَيْمَانُ بْنُ كَثِيرٍ عَنْ الزُّهْرِيِّ فِي الْجَهْرِ

*Sahih Bukhari 1004: Daripada 'Āishah: "Nabi mengeraskan bacaan dalam solat gerhana. Jika selesai dari bacaan Beliau membaca takbir kemudian ruku'. Jika mengangkat kepalanya dari ruku' baginda membaca "sami'allahu liman hamidah Rabbanaa lakal hamd". Kemudian baginda mengulang bacaannya dalam solat gerhana dengan empat kali ruku' dalam dua raka'at dan empat kali sujud". Berkata, Al Awza'iy dan selainnya aku mendengar Az Zuhriy dari 'Urwah dari 'Āishah radliallahu 'anha bahwa pernah terjadi gerhana Matahari pada zaman Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam, maka Beliau mengutus seorang mu'adzin untuk menyerukan "Ashalaatul Jaami'ah". Maka kemudian Beliau maju dan solat dengan empat kali ruku' dalam dua raka'at dan empat kali sujud". Dan telah mengabarkan kepada saya 'Abdurrahman bin Namir bahwasanya dia mendengar Ibnu Syihab seperti ini. Berkata, Az Zuhriy; Aku bertanya: "Apa alasan saudaramu 'Abdullah bin Az Zubair yang tidak melaksanakan solat (gerhana) kecuali dengan dua raka'at seperti solat Shubuh ketika solat di Madinah?" Dia menjawab: "Benar begitu adanya dan itu adalah menyalahi sunnah". Riwayat ini juga diikuti oleh Sufyan bin Husain, Sulaiman bin Katsir dari Az Zuhri dalam (solat) jahar (solat yang bacaan alfatihah dan surat sesudahnya dibaca terang)".*

Terdapat 3 cara perlaksanaan solat ini:

1. Cara paling ringkas – sekadar melaksanakan dua rakaat solat sunat sahaja.
2. Cara sempurna yang paling minimum – solat sunat dua rakaat berjemaah, dengan dua kali qiyam dan dua kali ruku' bagi setiap raka'at.
3. Cara paling sempurna – seperti cara kedua di atas, tetapi membaca surah yang panjang dan tasbih yang lama semasa qiyam, ruku', sujud.

Selepas solat, digalakkan untuk mengadakan khutbah gerhana Matahari.

#### (f) Memperbanyakkan Amalan Soleh

Semasa peristiwa gerhana Matahari, nabi turut menganjurkan pengikutnya supaya memperbanyakkan amalan yang soleh. Antara yang disebut secara khusus oleh nabi Muhammad ialah memperbanyakkan bertakbir, berdoa, solat, bersedekah serta memerdekaan hamba.

صحيح البخاري ٩٨٦: عَنْ عَائِشَةَ أَنَّهَا قَالَتْ

حَسَفَتُ الشَّمْسَ فِي عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَصَلَّى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالنَّاسِ قَقَامَ فَأَطَالَ الْغَيَامَ .....  
فَإِذَا رَأَيْتُمْ ذَلِكَ فَادْعُوا اللَّهَ وَكَبِرُوا وَصَلُّوا وَتَصَدَّقُوا ثُمَّ قَالَ يَا أَمَّةً مُّحَمَّدٍ وَاللَّهُ مَا مِنْ أَحَدٍ أَغْيَرُ مِنْ اللَّهِ أَنْ يَرْزُنِي عَبْدُهُ أَوْ تَرْزُنِي أَمْهُ .....  
يَا أَمَّةً مُّحَمَّدٍ وَاللَّهُ لَوْ تَعْلَمُونَ مَا أَعْلَمُ لَضَحِكْتُمْ قَلِيلًا وَلَبَكْتُمْ كَثِيرًا

*Sahih Bukhari 986: Daripada 'Āishah katanya, "Pernah terjadi gerhana Matahari pada zaman Rasulullah. Rasulullah lalu mendirikan solat bersama orang banyak. Baginda berdiri dalam solatnya dengan memanangkan lama berdirinya, ..... Jika kalian melihat gerhana, maka banyaklah berdoa kepada Allah, bertakbirlah, dirikan solat dan bersedekahlah." Kemudian beliau meneruskan sabdanya: "Wahai ummat Muhammad! Demi Allah, tidak ada yang melebihi kecemburuan Allah kecuali saat Dia melihat hamba laki-laki atau hamba perempuan-Nya berzina. Wahai ummat Muhammad! Demi Allah, seandainya kalian mengetahui apa yang aku ketahui, nescaya kalian akan sedikit tertawa dan lebih banyak menangis."*

صحيح البخاري ٩٩٥: عَنْ فَاطِمَةَ عَنْ أَسْمَاءَ قَالَتْ

لَقَدْ أَمْرَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْعَفَافِ فِي كُسُوفِ الشَّمْسِ

*Sahih Bukhari 995: Daripada Fātimah, Asmā' berkata, "Nabi telah memerintahkan untuk membebaskan hamba ketika terjadi gerhana Matahari."*

#### 4.5 Cadangan dan Kesimpulan

Berdasarkan kepada dapatan dan analisis di atas, pencerap Muslim, selain menjalan tugas farḍū kifāyah mencerap, merakam imej, menyelidik dan mengkaji fenomena gerhana Matahari, mereka juga perlu melakukan tanggungjawab kerohanian mereka semasa ianya berlaku. Berdasarkan fakta yang menyatakan, di Palembang, bahawa gerhana Matahari akan bermula pada jam 6:20 pagi, kemuncaknya pada jam 7:21 pagi, dan berakhir pada 8:31 pagi waktu tempatan, fenomena itu dapat difahami berlangsung selama 2 jam 11 minit. Justeru, pencerap Muslim, menerusi kumpulan yang disertai, selain bersedia dengan peralatan cerapan dan rakaman imej, mereka perlu untuk menyediakan ruang bagi solat sunat dan khutbah ringkas di stesyen cerapan. Solat dan khutbah boleh diadakan pada sebelum atau selepas waktu kemuncak gerhana penuh. Dicadangkan agar solat dan khutbah ini dibuat secara ringkas, pada permulaan gerhana Matahari. Pencerap juga perlu untuk diperingatkan agar mengawal emosi dan perasaan mereka, supaya sentiasa mengingati Allah, dan melihat gerhana Matahari sebagai tanda kekuasaanNya. Pencerap Muslim juga perlu mengelakkan diri daripada terlalu teruja kegembiraan sehingga melanggar batasan rohani, seterusnya menjadikan fenomena ini sebagai satu acara yang bermakna dalam kehidupan mereka. Kesimpulannya, ilmu falak dan aktiviti mencerap fenomena alam ciptaan Tuhan adalah merupakan program yang mampu menghubungkan nilai-nilai rohani supaya bertaut dengan kekuasaan Allah. Atas dasar inilah, ramai golongan salafussoleh menjadikan ilmu ini sebagai ilmu teras di dalam pendidikan, seperti yang telah dicadangkan oleh Saidina ‘Umar:

حَتَّىٰ الْحَسَنُ بْنُ عَلَيٍّ ، ثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ جَعْفَرٍ ، ثَنَا مُبَارَكُ بْنُ فَضَالَةَ ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ ،  
عَنْ نَافِعٍ ، عَنْ أَبِنِ عُمَرَ ، أَنَّ عُمَرَ قَالَ " : تَعَلَّمُوا مِنَ النُّجُومِ مَا تَهْتَوْا بِهِ فِي ظُلُمَاتِ الْبَرِّ وَالْأَحْرَرِ ، ثُمَّ اتَّهُوْا ،  
وَتَعَلَّمُوا مِنَ الْأَنْسَابِ قَدْرَ مَا تَصِلُّوا بِهِ أَرْحَامُكُمْ ، ثُمَّ اتَّهُوْا ، وَتَعَلَّمُوا الَّذِي يَحْلُّ مِنَ النَّسَاءِ وَمَا يَحْرُمُ عَلَيْكُمْ ثُمَّ اتَّهُوْا "

*Daripada al-Hasan bin Ali, daripada al-Hasan bin Shaukar, daripada Isma'il bin Ja'far, daripada Mubarak bin Fadhalah, daripada Ubaidullah bin Umar, daripada Nafi', daripada Abdullah bin Umar, sesungguhnya Umar berkata:*

*Pelajarilah daripada ilmu bintang (termasuklah jasad samawi lain), perkara-perkara yang menjadi panduan kepada kamu melalui kegelapan darat dan lautan, kemudian (apabila sampai satu tahap), berhentilah.*

*Pelajarilah maklumat keturunan (atau keluarga jauh) kamu, apa-apa yang boleh menyambung tali silaturrahmi, kemudian (apabila sampai satu tahap), berhentilah. Pelajarilah apa-apa yang dihalal dan diharamkan ke atas kamu (wahai lelaki) terhadap orang perempuan, kemudian (sampai satu tahap), berhentilah<sup>8</sup>.*

<sup>8</sup> Athar Saidina ‘Umar ini direkodkan, antaranya oleh Abū Bakar Aḥmad bin Sulaiman al-Najad (m 348 H) di dalam Musnad ‘Umar al-Khattāb, Ibn Abi Shaibah(m 235 H) di dalam al-Musonraf dan Ibn ‘Abd al-Bir al-Qurtubi (m 465 H) di dalam Jāmi‘ Bayān al-‘Ilmi wa Faḍlīhi. Ramai yang menyatakan athar ini sebagai ḥadīth nabi, sedangkan ia adalah kata-kata Saidina ‘Umar. Kekeliruan ini adalah disebabkan terminologi ‘ḥadīth’ yang biasanya merujuk kepada kata-kata nabi, tetapi turut digunakan oleh sarjana Muslim untuk merujuk kepada kata-kata sahabat.

## RUJUKAN

Al-Qur'ān

Ahmad, Yusuf al-Hajj. *Ensiklopedia Kemukjizatan Sains Dalam Al-Quran Dan Al-Hadis*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication, 2012.

Al-Bukhari, Muhammad bin Ismā‘il bin Ibrāhīm. *Sahih Al-Imam Al-Bukhari Al-Musammā Bi Al-Jāmi‘ Al-Musnad Al-Sahih Al-Mukhtaṣar Min Umūr Rasūl Allāh Wa Sunanīhi Wa Ayyāmihī*. Beirut: Dar Tuq al-Najah, 2001.

Al-Falakiy, Maḥmūd Bāshā. *Risālah fī Taqwīm al-‘Arab Qabla al-Islām*. N.D.

Al-Hārithī, Aḥmad bin Ḥasan bin Aḥmad. *Al-Aḥādīth Al-Nabawiyah Allatī Ustudilla Biha Al-I‘jāz Al-‘Ilmiy Fī Al-Insān Wa Al-Arq Wa Al-Falak*. Al-Madīnah al-Munawwarah: Al-Jāmi‘ah Al-Islāmiyyah bi al-Madīnah al-Munawwarah, 2010.

Al-Najar, Zaghlul. *Pembuktian Sains Dalam Sunah*. Edited by Zainal Abidin and Syakirun Ni'am. Jakarta: Penerbit Amzah, 2006.

Berg, Bruce Lawrence. *Qualitative Research Methods for the Social Sciences*. Michigan: Allyn and Bacon, 2001.

Boyatzis, Richard E. *Transforming Qualitative Information; Thematic Analysis and Code Development*. London: Sage Publication, 1998.

Braun, Virginia, and Victoria Clarke. “Using Thematic Analysis in Psychology.” *Qualitative Research in Psychology* 3 (2006): 77–101.

Denzin, Norman K., and Yvonna S. Lincoln. *The Landscape of Qualitative Research*. London: Sage Publication, 2012.

Ismail, Mat Rofa. *Falsafah Sains: Pendekatan Kualitatif*. Ampang: DBP, 2006.

Muslim, bin Al-Hajjāj. *Sahih Muslim*. Cairo: Dar al-Hadis, 1991.

Zainal, Baharrudin. “Etnomatematik Dalam Ilmu Falak Alam Melayu.” Universiti Putra Malaysia, 2009.

Zainal, Baharrudin. *Ilmu Falak: Teori, Praktik Dan Hitungan*. Kuala Terengganu: KUSZA, 2003.

Zulkipli, Shahrul Nizam, and Ishak Suliaman. *Autoriti Hadis Di Internet*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2013.